

Putera Umno sokong rampas motosik terbabit lumba haram

KUALA LUMPUR; Cadangan merampas kenderaan yang dikesan terbabit dalam kegiatan lumba haram mendapat sokongan kerana ia pendekatan yang wajar dan paling berkesan menangani gejala tidak sihat terutama mat rempit.

Pengerusi Putera Umno, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata tindakan menyita kenderaan terutama motosikal akan menimbulkan rasa takut mat rempit untuk menyertai lumba haram.

Beliau berkata, memandang mat rempit terdiri daripada remaja berusia antara 18 hingga 25 tahun, kebanyakan mereka tidak mempunyai sumber kewangan kukuh.

"Mereka terpaksa berkerja keras untuk memiliki motosikal dan akan berfikir dua kali sebelum melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan kehilangan motosikal, termasuk menyertai lumba haram.

"Putera Umno menyokong cada-

ngan itu yang dianggap bukan saja mampu menangani masalah lumba haram dan mat rempit, malah bersesuaian hasrat kami mendekati golongan terbabit," katanya.

Kelmarin, akhbar melaporkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) mencadangkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dipinda bagi membolehkan pihak berkuasa merampas kenderaan digunakan dalam kegiatan lumba haram.

Timbalan Menterinya, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata undang-undang sedia ada hanya membolehkan polis atau Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menyita kenderaan sebelum pemilik atau pemandunya membayar saman belum berkesan.

Abdul Azeez berkata, Putera Umno bukan mahu memayungi mat rempit yang ingkar supaya mereka terlepas daripada tindakan undang-undang, tetapi mendekati mereka yang mahu berubah serta

membimbing mereka mengamalkan cara hidup sihat.

Katanya, Putera Umno hanya membantu mat rempit yang mahu diberi peluang kedua untuk membaiki jati diri dalam membentuk masa depan yang lebih cerah dan bukan yang berterusan mencabar undang-undang dan agama.

"Golongan yang degil dan terbabit dengan aktiviti seperti lumba haram, dadah dan samseng memang tidak ada tempat dalam Putera," katanya semalam.

Sementara itu, Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM), Tajudin Ahmad, berkata, cadangan itu patut dilaksanakan kerana ia berkesan membendung gejala kurang.

"Sejak dulu lagi MBM mengesyorkan setiap kenderaan yang terbabit dengan kegiatan lumba haram dirampas kerana ia memberi kesan jangka panjang kepada remaja untuk bergiat kembali berikutan tiada kenderaan," katanya.